

# Harga ayam tak lebih RM8.10 sekilo

Tiga kategori ayam tertakluk dalam 15 barang SHMMP

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menetapkan harga ayam tidak melebihi RM8.10 bagi setiap sekilogram sempena perayaan Tahun Baru Cina 2020.

Pengaruhnya, Adnan Abd Rahman berkata, tiga kategori ayam iaitu ayam hidup, standard dan super adalah tertakluk dalam senarai 15 barang menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) itu.

"Setiap sekilogram harga



Hanifa (tiga dari kiri) melihat harga ayam antara barang yang dipantau sambil diiringi Adnan (kiri) dan Hock Soon (kanan) di KB Mall semalam.

borong ayam hidup ditetapkan RM5.30 dan harga runcit RM5.80. Bagi ayam standard (sembelih dan dibersihkan bersama kaki, kepala, hati dan hempedal) RM6.60 (harga borong) dan RM7.30 (harga runcit).

"Harga borong bagi ayam super (sembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM7.30 dan runcit berharga RM8.10," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas

Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2020 di Pasar Raya Pasific KB Mall di sini semalam.

Majlis dirasmikan Exco Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, Datuk Hanifa Ahmad serta turut dihadiri Penolong Pengurus Bahagian Pentadbiran Pacific, Chua Hock Soon.

Adnan berkata, penugasan kawalan harga sepanjang musim perayaan itu membabitkan 153 anggota penguat kuasa dan 94 pegawai pemantau KPDNHEP yang akan bertugas mengawal harga barang di 476 premis perniagaan.

"Selain ayam, senarai barang yang mendapat permintaan tinggi dikawal harganya adalah telur gred A,B,C; kubis bulat import dari Indonesia dan China; cili merah, tomato dan bawang putih China.

"Harga ubi kentang import

China, ikan bawal putih, udang putih besar, daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak) juga dikawal," katanya.

Katanya, tempoh penguatkuasaan SHMMP berlangsung selama 14 hari bermula 20 Januari sehingga 2 Februari ini bertujuan menstabilkan harga dan bekalan di pasaran selain mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang kawalan.

"Peniaga yang menaikkan harga tidak munasabah boleh diberi notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Seksyen itu memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kompaun sehingga RM50,000 bagi individu manakala denda RM500,000 atau kompaun maksimum RM250,000 bagi syarikat," katanya.